



KENYATAAN MEDIA

PERKONGSIAN TIDAK BERHEMAM TERHADAP MAKLUMAT MENGENAI NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV)

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) ingin memberi pandangan tentang perlunya pengawalan diri oleh pencipta kandungan termasuk masyarakat awam yang berkongsi pelbagai maklumat yang tidak dapat disahkan mengenai penyebaran ***Novel Coronavirus (2019-nCoV)*** di Malaysia.

Dalam satu masa di mana keupayaan perkongsian terletak di hujung jari seseorang, kami ingin mengingatkan semua pihak yang berkenaan bahawa perkongsian maklumat membawa tanggungjawab penting untuk melapor secara jujur, berhemah dan tidak mengelirukan. Adalah difahami bahawa orang ramai kini mencari apa sahaja maklumat sebagai persiapan awal untuk menangani sebarang kejadian yang tidak diingini. Walau bagaimanapun, ini tidak membenarkan sebarang penyebaran maklumat yang tidak ditentusahkan bahkan palsu yang boleh membawa kepada kekecohan awam.

Berikutan kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bertarikh 27 Januari 2020, CMCF mengulangi keseriusan penyebaran maklumat yang tidak disahkan, tidak benar dan palsu sama sekali kepada orang awam yang boleh menyebabkan ketakutan, panik dan kebimbangan yang boleh membawa kepada pergolakan awam terutama melalui media sosial dan platform pesanan dalam talian.

Pencipta kandungan dan orang ramai diingatkan agar berhati-hati bahawa pihak berkuasa boleh mengambil tindakan terhadap sebarang kesalahan melalui Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang membawa tindakan undang-undang yang berat.

CMCF ingin memanggil pengamal media di dalam industri kandungan, pengguna dalam talian dan pengendali media sosial untuk memantau sebarang maklumat yang dibuat atau diagregatkan dengan menggunakan prinsip kawalselia sendiri (self-regulation) untuk memastikan maklumat dari sumber yang tidak disahkan, terutamanya dari pihak ketiga atau dari pihak yang tidak bertanggungjawab tidak tersebar.

Orang ramai digalakkan merujuk kepada portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (www.who.int) untuk berita dan maklumat yang disahkan dan dikemaskini mengenai wabak ***Novel Coronavirus (2019-nCoV)***.

Di samping itu, CMCF mencadangkan penggunaan Kod Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebagai panduan pengawalseliaan sendiri mengenai etika perkongsian maklumat di atas pelbagai platform dalam talian. Ia boleh didapati dari laman web kami di (www.cmcf.my) tanpa sebarang kos.

Orang ramai juga digesa untuk sentiasa mengamalkan nilai kesopanan yang tinggi serta bertanggungjawab dalam penggunaan media sosial untuk perlindungan masing-masing.

DATUK AHMAD IZHAM OMAR
PENGERUSI
FORUM KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (CMCF)
Petaling Jaya, 28 Januari 2020

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pejabat Eksekutif CMCF

Tel: (603) 7954 8105

Email: secretariat@cmcf.my